

NOTIS KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS USIM SECARA BERPERINGKAT BAGI SEMESTER 1, SESI AKADEMIK 2021/2022

1. Merujuk kepada kenyataan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 14 September 2021 berkenaan Kemasukan Pelajar Ke Kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Bagi Sesi Akademik 2021/2022, yang menyatakan proses kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus adalah secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021.
2. Kemasukan pelajar secara fizikal ke dalam kampus dibenarkan kepada para pelajar yang telah mendapat dos vaksin lengkap dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin.
3. Semua pelajar wajib mengisi dan mengemaskini status vaksinasi diri di dalam Portal *iStudent* USIM.
4. Bagi pelajar yang tidak boleh divaksin atas faktor kesihatan, pelajar perlu mendapatkan pengesahan daripada hospital atau klinik-klinik kerajaan dan memaklumkan kepada Pusat Kesihatan Universiti (PKU) untuk penyelarasan.
5. Bagi pelajar yang belum menerima vaksin, pelajar disarankan untuk segera mendapatkan vaksin secara *walk-in* di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dengan membawa kad pelajar USIM (atau surat tawaran kemasukan USIM bagi pelajar baharu) bersama kad pengenalan / pasport.
6. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada Semester 1, Sesi Akademik 2021/2022 dibuat secara dalam talian dan secara hibrid (dalam talian dan bersemuka) melibatkan latihan amali, makmal, studio, badan beruniform mengikut keperluan standard program pengajian serta badan profesional.
7. Pihak USIM amat komited dalam menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar dan sedang menyediakan pakej 'Penginapan Gelembung Selamat Kampus' yang menekankan kawalan keselamatan risiko COVID-19 dan menyediakan kemudahan pelajar yang lebih komprehensif antaranya capaian internet lebih baik, kafeteria berkonsep, penginapan selesa serta pelbagai lagi untuk mencipta suasana 'pengalaman pembelajaran' menarik buat para pelajar.
8. Pelajar yang telah mendapat dos vaksin lengkap dan berhasrat untuk tinggal di dalam Kolej Kediaman USIM, boleh memohon melalui Portal *iStudent* USIM.
9. Pelajar yang telah mendapat dos vaksin lengkap dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin tidak perlu lagi melalui proses pengasingan atau isolasi diri apabila mendaftar masuk menginap ke dalam kolej-Kolej Kediaman.
10. Permohonan kemasukan pelajar ke kampus adalah merujuk kepada jadual berikut:

- a) Pelajar Baharu:
 - i. 15 – 25 September 2021 :
Pemilihan kaedah PdP dan kemasukan ke Kolej Kediaman USIM melalui Sistem eTasjil USIM
 - ii. 2 – 5 Oktober 2021:
Keputusan permohonan serta penempatan Kolej Kediaman USIM akan dipaparkan melalui Sistem eTasjil USIM
 - b) Pelajar Semasa:
 - i. 21 – 24 September 2021:
Permohonan masuk ke Kolej Kediaman USIM melalui Portal *iStudent* USIM
 - ii. 24 September 2021:
Permohonan pulang ke rumah sewa melalui Portal *iStudent* USIM
 - iii. 30 September – 3 Oktober 2021:
Keputusan permohonan serta penempatan Kolej Kediaman USIM dan pengesahan penerimaan pilihan 'setuju terima' melalui Portal *iStudent* USIM
11. Pendaftaran pelajar di Kolej Kediaman USIM akan dilaksanakan secara berperingkat untuk memberi peluang kepada pelajar mendapatkan dos vaksin lengkap dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin bagi membolehkan pelajar masuk ke dalam kampus.
- Jadual pendaftaran pelajar di Kolej Kediaman adalah seperti berikut:
- | | | |
|--------|---|-----------------------|
| Fasa 1 | : | 15 – 18 Oktober 2021 |
| Fasa 2 | : | 21 – 24 Oktober 2021 |
| Fasa 3 | : | 28 – 31 Oktober 2021 |
| Fasa 4 | : | 11 – 14 November 2021 |
12. Pelajar dibenarkan kembali hadir ke kampus dan Kolej Kediaman USIM melalui 3 kaedah berikut sahaja, iaitu:
- a. menggunakan kenderaan sendiri;
 - b. dihantar oleh ibu bapa /penjaga (hanya yang telah lengkap proses vaksinasi);
 - c. perkhidmatan penerbangan.
13. Ibu bapa/penjaga dibenarkan menghantar pelajar kembali ke kampus dengan syarat ibu bapa/penjaga telah lengkap proses vaksinasi. Pendaftaran pelajar di Kolej Kediaman adalah secara 'pandu lalu' di mana ibu bapa/penjaga hanya dibenarkan untuk menurunkan barang dari kenderaan tetapi tidak dibenarkan untuk mengiringi pelajar masuk ke bilik. Segala kos yang terlibat dengan pergerakan pelajar kembali ke kampus adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
11. Pelajar perlu mengemaskini status COVID-19 di aplikasi MySejahtera tiga (3) hari sebelum hadir ke Kolej Kediaman atau memasuki kawasan kampus dan mengimbas Kod QR setelah tiba di bangunan/premis yang berkaitan.
12. Pelajar juga perlu melengkapkan Perakuan Saringan Kesihatan Diri melalui Portal *iStudent* USIM: *Health Screening* tiga (3) hari sebelum hadir ke Kolej Kediaman USIM. Pelajar perlu mencetak dan menunjukkan dokumen ini ketika proses pendaftaran di Kolej Kediaman USIM.

13. Pergerakan pelajar untuk kembali ke kampus bagi pelajar baharu adalah menggunakan Surat Tawaran USIM manakala pelajar semasa akan menggunakan 'Surat Kebenaran Kembali Ke Kampus' yang boleh diperolehi dari Portal *iStudent* USIM.
14. Sekiranya pelajar memerlukan sokongan emosi dan psikologi, pelajar boleh membuat temujanji bersama kaunselor melalui Portal '*i-Student : i-Counseling*' atau boleh terus menghubungi kaunselor melalui telefon: 017-2336509 / 0113-0483625 / 06-7986145 / 06-7986143 / 06-7986142 / 06-7986141.
15. Notis ini perlu dibaca bersama dengan Soalan Lazim (FAQ) Kemasukan Pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) secara fizikal bagi Sesi Akademik Tahun 2021/2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 14 September 2021.
16. Notis ini adalah tertakluk kepada situasi semasa COVID-19 serta arahan terkini daripada pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Pelajar dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat yang sahih menerusi pemakluman rasmi daripada pihak USIM.
17. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pelajar boleh hubungi talian berikut pada setiap hari bekerja dari hari Isnin hingga Jumaat bermula dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang:

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (BHEP) : 06-798 6157 / 6152
PUSAT PERUMAHAN PELAJAR (PRUPEL) : 06-798 6114 / 6112
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU) : 06-798 6121 / 6129
PUSAT PEMASARAN DAN KEMASUKAN PELAJAR (PPKP) : 06-797 8621
18. Bilik Gerakan COVID-19 USIM beroperasi 24 jam bagi menyelaras maklumat dan tindakan pencegahan dalam membendung penularan wabak COVID-19. Pertanyaan lanjut tentang COVID-19 boleh diajukan kepada Bilik Gerakan COVID-19 USIM Pusat Kesihatan Universiti USIM di talian 06-7986121 atau mana-mana fasiliti kesihatan Kerajaan yang berdekatan.
19. Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui medium komunikasi rasmi termasuklah e-mel dan laman web.
20. Pihak Universiti amat mengambil berat terhadap keselamatan dan kesihatan para pelajar dan mendoakan para pelajar selamat dari jangkitan COVID-19 serta dapat meneruskan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan sempurna dan selamat.

“LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA”

**PROFESOR DATO' DR. MOHAMED RIDZA WAHIDDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
15 SEPTEMBER 2021 | 8 SAFAR 1443**